



a n g k a s a



PRESIDEN ANGKASA

PERUTUSAN SEMPENA ANUGERAH KECEMERLANGAN KOPERASI SEKOLAH 2018

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera,

Tema “**KOPERASI PEMANGKIN KECEMERLANGAN SEKOLAH**” dipilih khusus sebagai tema Anugerah Kecemerlangan Koperasi Sekolah (AKKS) pada tahun ini, bagi meraikan pencapaian membanggakan yang ditunjukkan gerakan koperasi sekolah.

Tahun ini juga merupakan detik bersejarah menandakan gerakan koperasi sekolah telah mencapai usia 50 tahun. Saat ini, amat penting untuk kita menoleh ke belakang bagi menilai pencapaian sehingga kini dan melangkah ke hadapan untuk meletakkan pencapaian koperasi sekolah ke tahap yang lebih baik bukan sahaja dari segi sumbangan perolehan, tetapi juga kepada penjana modal insan yang mampu berdikari, mempunyai daya usahawan dan kepimpinan yang tinggi, mampu mencipta peluang-peluang pekerjaan bukan sahaja untuk diri sendiri tetapi juga orang lain.

Alhamdulillah, dalam tempoh 50 tahun penubuhan koperasi sekolah bermula dari 1968 dengan 9 buah koperasi sekolah perintis, kini bilangannya meningkat kepada 2,395 buah dari 2,408 buah sekolah menengah di Malaysia. Kita mahu 100 peratus sekolah mempunyai koperasi menjelang 2020 dan setidak-tidaknya 50 buah koperasi menyumbang perolehan melebihi sejuta dalam tempoh yang sama.

Dari segi perolehan sehingga 31 Disember 2017, koperasi sekolah telah menyumbang perolehan lebih RM382 juta (RM382,941,771 juta) dengan aset bernilai lebih RM344 juta (RM344,889,529 juta), Syer/yuran berjumlah lebih RM25 juta (RM25,306,955 juta) dan keanggotaan berjumlah lebih 1.8 juta orang (1,800,295 juta orang). Peningkatan perolehan ini, turut memberi sumbangan besar kepada pendapatan dan juga ekonomi negara.

Dalam agenda pembangunan negara, koperasi sekolah juga mempunyai peranan yang sama dengan koperasi dewasa dalam memastikan KDNK dapat ditingkatkan ke 10 % menjelang 2020. Dalam tempoh itu, negara mensasarkan perolehan koperasi mencapai RM50 bilion. Dalam mencapai hasrat ini, gerakan koperasi negara memerlukan sokongan padu gerakan koperasi sekolah.

ANGKASA akan sentiasa memberikan sokongan dan dorongan dalam usaha untuk memajukan koperasi sekolah supaya ianya sentiasa seiring dengan keperluan dan kehendak warga koperasi sekolah. Oleh itu, kepelbagaian aktiviti koperasi sekolah dianggap sebagai satu acara yang boleh memenuhi sebahagian keperluan dan kehendak warga koperasi sekolah di samping memenuhi aspirasi kerajaan yang ingin memastikan pembangunan modal insan berbudaya keusahawanan berasaskan pengetahuan (k-ekonomi) dapat dicapai.

ANGKASA berhasrat untuk melahirkan lebih banyak koperasi sekolah berkualiti yang menjadi kebanggaan negara di masa hadapan. Ini tidak bermakna, ANKASA mencuba untuk 'mengkomersialkan' koperasi sekolah. ANKASA berpandangan koperasi sekolah berpotensi menjana pendapatan tanpa mengganggu pembelajaran dalam kelas, malah mampu mengasah bakat-bakat keusahawanan dan kemahiran-kemahiran mentadbir, mengurus, berniaga, membuat kira-kira dan dapat memupuk pelbagai nilai-nilai murni yang diperlukan dalam melahirkan manusia berguna dan berjaya kepada agama, bangsa dan negara selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Ingin saya tegaskan di sini, pengembangan koperasi sekolah oleh ANKASA masih tetap mengekalkan matlamat asal – untuk memberi latihan, pendidikan dan pengalaman keusahawanan secara langsung kepada pelajar-pelajar, yang mana latihan ini tidak dapat diperolehi di bilik darjah tetapi ada di koperasi.

Apabila mereka habis belajar, pengalaman ini diharap dapat membuka minda mereka untuk menjalankan perniagaan sendiri atau menubuhkan koperasi. Ini bukan sahaja dapat membantu mewujudkan peluang-peluang pekerjaan baru malah dapat mengurangkan kebergantungan generasi muda untuk bekerja makan gaji.

Sempena Sambutan Jubli Emas ke-50 tahun Penubuhan Koperasi Sekolah pada tahun ini, di samping AKKS ia dapat dijadikan satu asas yang kukuh kepada pihak pengurusan koperasi untuk mencanangkan kewujudan dan peranan koperasi sekolah seterusnya diharapkan dapat menggembelng penyertaan menyeluruh pelajar, guru, kakitangan, PIBG dan masyarakat setempat dalam amalan berkoperasi.

Sekian, terima kasih.



DATO' ABDUL FATTAH ABDULLAH
Presiden ANKASA